

UM  
4 MAY 2002

# PM gesa Telekom turunkan kadar panggilan

KUALA LUMPUR 3 Mei — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa Telekom Malaysia Berhad (Telekom) menurunkan kadar panggilannya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan kemudahan-kemudahan telekomunikasi di negara ini.

“Kita menggesa Telekom supaya menurunkan bayarannya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan telekomunikasi bagi semua perkara termasuk capaian kepada

maklumat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar ICT yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO seperti yang dilaporkan oleh *Bernama* di sini hari ini.

Kerajaan adalah pemegang saham terbesar Telekom Malaysia.

Badan-badan berkaitan Kerajaan secara kolektif menguasai lebih daripada 80 peratus Telekom Malaysia.

Telekom Malaysia memperoleh lebih daripada 90 peratus daripada

pasaran talian tetap di negara ini.

Sebelum ini, Telekom Malaysia telah membuat semakan kadar panggilan telefon berkuat kuasa 1 Mac, tahun ini.

## Tempatan

Di bawah kadar baru itu, semua panggilan tempatan akan berharga lapan sen bagi dua minit pertama dan empat sen bagi setiap minit berikutnya berbanding dengan bayaran sebelum ini sembilan sen

bagi tiga minit pertama dan tiga sen bagi setiap minit berikutnya.

Kadar jarak jauh domestik dikurangkan di antara 23 peratus dan 54 peratus dan tarif IDD (dial terus antarabangsa) dikurangkan di antara tujuh peratus dan 67 peratus.

Sementara itu, jurucakap Telekom Malaysia ketika diminta mengulas gesaan Perdana Menteri berkata, perkara tersebut akan dibincangkan oleh pengurusan kanan Telekom, Isnin ini.

“Ada kemungkinan satu formula tarif baru akan diumumkan selepas ini,” katanya kepada *Utusan*.

Katanya, gesaan Perdana Menteri merujuk kepada pemberian tarif khas kepada kumpulan penduduk tertentu seperti di luar bandar.

“Telekom menyedari permintaan kerajaan. Kami telah mengadakan pertemuan dengan Penasihat Khair kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop hari ini bagi membincangkannya,” kata beliau.